



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**PENGARUH PERSEKITARAN KELUARGA TERHADAP  
PEMBENTUKAN NILAI MORAL DALAM KALANGAN  
PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

*THE INFLUENCE OF FAMILY ENVIRONMENT ON THE FORMATION OF  
MORAL VALUES AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS*

Wan Farhana Wan Zainuddin<sup>1</sup>, Sakinah Salleh<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Email : wnfahana97@gmail.com

<sup>2</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)  
Email: sakinah.salleh@fsk.upsi.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 15.06.2022

Revised date: 20.07.2022

Accepted date: 25.08.2022

Published date: 22.09.2022

**To cite this document:**

Zainuddin, W. F. W. & Salleh, S. (2022). Pengaruh Persekitaran Keluarga Terhadap Pembentukan Nilai Moral Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (47), 552-562.

DOI: 10.35631/IJEPC.747044

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan pelajar. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk a) mengenal pasti pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral remaja, b) mengenal pasti tahap keprihatinan ibu bapa terhadap remaja dan menganalisis faktor-faktor yang mendorong remaja terjebak dengan perbuatan tidak bermoral. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini ialah menggunakan kaedah temu bual secara atas talian melalui aplikasi *Whatsapp* bersama 6 orang pelajar sekolah menengah di salah sebuah sekolah di daerah Bachok, Kelantan. Hasil analisis kajian menunjukkan pengaruh persekitaran keluarga menyumbang kepada nilai-nilai moral remaja seperti pergaduhan ibu bapa dan perceraian ibu bapa dan masalah kewangan. Faktor ini mendorong remaja melakukan tindakan yang tidak bermoral seperti tidak beradab, melanggar peraturan sekolah dan melakukan tingkah laku yang negatif. Implikasi kajian menunjukkan peranan dan keterlibatan ibu bapa amat penting dalam membentuk anak-anak yang berperibadi mulia bagi melahirkan generasi yang mempunyai nilai motivasi diri dan tinggi nilai moral. Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti KPM, LPPKN, JKM dan NGO dalam usaha untuk menangani masalah keruntuhan nilai moral di kalangan pelajar sekolah dan supaya generasi akan datang bebas daripada masalah keruntuhan nilai moral yang serius.

**Kata Kunci:**

Pengaruh Persekitaran Keluarga, Nilai Moral, Tingkahlaku Moral, Keibubapaan

**Abstract:**

This study aims to identify the influence of the family environment and its effect on the formation of moral values among students. Specifically, the objectives of the study were to a) identify the influence of the family environment on the formation of adolescent moral values, b) identify the level of parental concern for adolescents and c) analyze the factors for adolescent engagement in immoral acts. The research method used in this study is using online interviews through social media application with 6 high school students in one of the schools in the district of Bachok, Kelantan. The results of the analysis showed that the influence of the family environment contributed to the moral values of adolescent such as parental quarrels, parental divorce and financial issues. These factors encouraged adolescent to engage in immoral acts such as being uncivilized, breaking school rules and engaging in negative behaviors. The implications of the study showed that the role and involvement of parents was very important in shaping children with noble personalities to produce a generation that has self-motivation and high moral values. It is hoped that this study can help relevant parties such as KPM, LPPKN, JKM and NGOs in efforts to address the problem of moral decay among adult students and so that future generations are free from serious moral decay.

**Keywords:**

Influence of Family Environment, Moral Values, Moral Behavior, Parenting

**Pengenalan**

Golongan remaja merupakan generasi yang bakal mewarisi negara kita pada masa akan datang. Pelbagai harapan yang diletakkan agar mereka berupaya menjadi individu yang berguna serta mampu menyumbang ke arah kesejahteraan negara secara keseluruhannya terutama dalam pembentukan nilai moral. Tanggungjawab generasi penerus bangsa ini tidak boleh dipandang remeh, malah perlu dibekalkan dengan pembelajaran yang mantap dan tidak mudah goyah dengan halangan lain. Dalam usaha kerajaan melaksanakan tanggungjawab ini, keluarga dilihat memainkan peranan yang besar dalam melahirkan individu atau remaja yang bermoral. Sebahagian masalah yang melibatkan remaja ini bertitik tolak dari institusi keluarga remaja itu sendiri yang membawa kepada kesan negatif terhadap remaja. Corak keseluruhan individu seperti cara berfikir, tingkah laku, perwatakan, kepercayaan dan cara bagaimana anak-anak berhubung dengan persekitaran menyumbang kepada pencapaian dan kejayaan mereka.

**Penyataan Masalah**

Masalah sosial remaja dewasa berada di tahap membimbangkan. Sinar Harian 5 September 2021, melaporkan jenayah rogol di Kelantan terutamanya membabitkan mangsa di bawah umur meningkat secara keseluruhan kepada 65 kes pada tahun 2021 kerana pada tahun tersebut berlakunya pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Jumlah itu direkodkan bermula Januari hingga Julai dengan peningkatan sebanyak 11 kes berbanding 54 kes dalam tempoh sama tahun lalu (Adila Shahrinni Wahid, 2021). Menurut Supartiningsih, (2004) Kemunculan teknologi-teknologi baru mengakibatkan terjadinya peningkatan laman pornografi. Oleh kerana terlalu mudah dalam mengakses laman web tersebut menyebabkan ramai remaja lebih

gemar melayari laman web yang berunsur negatif berbanding melayari laman web berkaitan dengan pelajaran. Hal ini terjadi disebabkan kesibukan ibu bapa dengan pekerjaan sehingga perhatian dan kawalan terhadap anak-anak terabai dan seterusnya membiarkan anak-anak bebas melakukan apa sahaja yang diingini. Kenyataan ini disokong Nadia (2017), yang berpendapat bahawa sebahagian besar daripada ibu bapa masa kini terlalu sibuk bekerja sehingga perhatian terhadap keluarga terabai. Namun, sekiranya media massa tidak dipantau dengan lebih berkesan, kemudahan yang positif mampu mengubah menjadi negatif, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada masyarakat, bahkan kepada negara (Hamdan, 2015). Oleh itu, langkah pencegahan perlu dilakukan oleh keluarga bagi mengelakkan benda ini daripada terus berlarutan untuk membendung masalah penurunan nilai moral dalam kalangan remaja sekolah. Berita Harian Online (11 November 2019) menyatakan kesalahan jenayah dalam kalangan remaja terutama remaja di negara ini masih di tahap membimbangkan dan usaha pencegahan perlu dipergiat lagi supaya perkara itu dapat ditangani dengan sewajarnya. Menurut Ketua Polis Johor, Ayob Khan Mydin Pitchay, statistik tangkapan membabitkan remaja sekolah di Johor bagi kesalahan jenayah indeks tahun 2019 adalah seramai 1,230, tahun 2020 seramai 601 dan tahun ini bagi tempoh Januari hingga Mac seramai 77 orang. Menurut Zakaria Stapa et.al (2012) faktor-faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan. Berdasarkan permasalahan ini, kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan remaja sekolah.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengkaji pengaruh persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan remaja sekolah menengah di daerah Bachok, Kelantan. Secara khususnya objektif kajian adalah untuk :

1. Mengetahui pasti pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral pelajar sekolah menengah.
2. Mengetahui pasti tahap keprihatinan ibu bapa terhadap pelajar sekolah menengah.
3. Menganalisis faktor-faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah terjebak dengan perbuatan tidak bermoral.

### **Sorotan Literatur**

Pada umumnya, pembentukan nilai moral merupakan satu kepentingan utama ke arah proses pembentukan jati diri individu. Kajian-kajian yang terdahulu telah dilakukan menunjukkan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan yang penting dalam proses pengsocialisasian remaja iaitu dari sudut sikap, nilai dan sistem kepercayaan yang akan diterapkan ke dalam minda remaja. Menurut Abd Hamid dan Salleh (2013), ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan emosi dan sahsiah anak-anak mereka. Oleh itu, usaha ke arah pemantapan institusi keluarga dipercayai merupakan salah satu jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah moral di kalangan remaja masa kini. Di fasa awal kehidupan anak-anak kebiasaannya masa mereka diluangkan bersama dengan ibu bapa. Oleh itu, faktor persekitaran keluarga boleh mempengaruhi perkembangan nilai moral dalam diri anak-anak itu sendiri. Menurut Zakiyah dan Ismail (2004), ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku anak-anak. Jika mereka berada di tempat atau persekitaran yang betul, maka baik lah tingkah lakunya. Masalah keluarga juga didapati memberikan kesan kepada tingkah laku dan isu perlu diatasi bagi memastikan tidak

menjelaskan tingkah laku moral dalam kalangan remaja. Banyak kajian menunjukkan peranan ibu bapa penting dalam menunjukkan *role model* yang baik kepada anak-anak (Yahaya & Baharom, 2013; Nasir, 2016; Ahmad & Ambatong, 2020).

Namun dewasa ini, pengaruh media sosial lebih memberi impak yang negatif kepada golongan remaja. Antara contoh yang sering berlaku dikalangan remaja ialah pornografi. Tambahan pula, ianya agak mudah didapati dan ditonton secara percuma dilaman-laman sosial dan akibatnya sikap agresif dalam kalangan remaja. Faktor keruntuhan moral dan gejala sosial berpunca daripada krisis keluarga kerana kegagalan ibu bapa menyempurnakan amanah, tugas, dan tanggungjawab (Sulaiman & Latif, 2014; Masdin & Rathakrishnan, 2014). Menurut Othman, et al., (2018) kegagalan elemen kefungsi keluarga boleh menyebabkan sokongan dan kawalan keluarga lemah dan menjadi antara faktor penyebab tingkah laku delikueni. Selain itu kajian Nor Afidah (2014) mendapati keluarga bahagia yang berkasih sayang berlandaskan agama dan cara asuhan yang terbaik menyumbang kepada nilai moral yang baik dalam kalangan remaja. Kegagalan dalam memenuhi keperluan remaja akan menyebabkan kekecewaan dalam diri mereka, namun menurut Buerah at al., (2015) gejala salah laku bukan sahaja berpunca daripada persekitaran keluarga semata-mata tetapi aspek diri remaja sendiri, teman sebaya, institusi, media massa dan persekitaran juga turut menyumbang kepada nilai moral remaja. Menurut Nasrudin et al. (2012), apabila hubungan kekeluargaan goyah, maka remaja akan mengukuhkan hubungan rapat dengan rakan sebaya mereka.

Menurut perspektif psikologi, manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada (Saini & rakan-rakan, 2019). Sesiapa yang mendapati dirinya berada di persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya. Teori pembelajaran sosial oleh Albert Bandura (1977) mengatakan bahawa sesuatu tindakan itu merupakan hasil interaksi antara ketiga-tiga faktor iaitu manusia, persekitaran dan tabiat manusia. Semua faktor ini dikatakan bukan sebagai penentu kepada sesuatu tindakan secara berasingan. Menurut teori ini, masyarakat yang mendefinisikan tugas dan peranan remaja serta norma-norma yang berkaitan dengan tingkah laku. Manusia pula akan membentuk perasaan, nilai dan tingkah laku melalui pemerhatian terhadap apa yang dilakukan oleh masyarakatnya. Oleh kerana kanak-kanak dan remaja banyak belajar melalui peniruan maka tingkah laku remaja terhasil akibat daripada pengalaman pengasuhan kanak-kanak. Manakala Berne (1964) menyatakan tingkah laku, pemikiran dan perasaan manusia pada asasnya tidak terlepas daripada pengaruh-pengaruh persekitaran, terutama sekali oleh harapan dan desakan yang dibuat oleh orang yang rapat dengan diri mereka seperti rakan sebaya, keluarga dan masyarakat. Secara umumnya, terdapat berbagai bentuk halangan yang membantutkan matlamat remaja dalam pembentukan nilai moral. Kajian menunjukkan peranan ibu bapa sangat penting dalam pencegahan atau pemulihan kehidupan seorang remaja (Alavi et al., 2102). Ibu bapa merupakan sistem sokongan penting dalam membentuk asuhan dan bimbingan kepada pembentukan nilai dan sahsiah keluarga. Oleh itu, adalah penting bagi orang dewasa khususnya ibu bapa terutamanya yang merupakan insan paling rapat dengan remaja tersebut untuk mengikuti perkembangan remaja.

## Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui temu bual untuk mendapatkan data. Kaedah kajian kualitatif digunakan kerana bagi membantu pengkaji untuk mengemukakan keterangan tentang sifat dan keadaan manusia di samping menggunakan pandangan umum tentang kajian yang dijalankan. Justeru itu, kaedah ini bersesuaian dalam usaha untuk memberikan keterangan tentang sifat dan remaja dengan menggunakan pandangan umum

tentang apa sahaja yang berkaitan tindakan sosial. Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan temu bual berstruktur berdasarkan keperluan objektif kajian ini. Melalui kaedah kualitatif ini, pengkaji menggunakan kaedah temu bual secara atas talian melalui aplikasi *whatsApp* bersama 6 orang pelajar sekolah menengah untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan tajuk kajian (rujuk Jadual 1). Temu bual yang dilakukan terhadap pelajar iaitu pengkaji menghubungi pelajar tersebut melalui aplikasi *whatsApp* dan juga dengan menggunakan mesej melalui aplikasi *whatsApp*. Ini dilakukan kerana pada waktu kutipan data dilakukan pelajar dan juga pengkaji berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan sewaktu berlakunya Pandemik Covid-19. Lokasi kajian yang dipilih oleh pengkaji adalah salah sebuah sekolah di daerah Bachok Kelantan. Sebelum kajian dijalankan, pengkaji telah mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa setiap pelajar terlebih dahulu. Manakala soalan temu bual dibina berdasarkan kepada sorotan kajian lampau. Analisis kajian ini menggunakan 'thematik analisis' sebagai metode menganalisis data yang diperkenalkan oleh Braun dan Clarke (2012).

**Jadual 1: Jumlah Dan Latar Belakang Responden**

Bilangan	Nama Samaran	Tingkatan
1	Aizat	3
2	Ira	4
3	Zul	4
4	Afiq	3
5	Syida	2
6	Hamka	5
<b>Jumlah</b>	<b>6 orang</b>	

### Dapatan Kajian

Hasil perbincangan dibahagikan kepada beberapa bahagian berdasarkan objektif kajian. Analisis dan perbincangan kajian ini adalah berdasarkan analisis kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu bual. Hasil dapatan yang diperoleh daripada instrumen kajian dijelaskan berpandukan kepada persoalan kajian. Kesemua persoalan kajian adalah berkait rapat dengan objektif kajian yang telah dinyatakan pada bab satu penulisan kajian.

**Jadual 2: Tema dan Subtema**

Objektif Kajian	Tema
1) Mengetahui pengaruh persekitaran keluarga terhadap pembentukan nilai moral pelajar sekolah menengah	1) Konflik Dalam Keluarga
2) Mengetahui tahap keprihatinan ibu bapa terhadap pelajar sekolah menengah	2) Kurang Prihatin
3) Menganalisis faktor-faktor yang mendorong pelajar sekolah menengah terjebak dengan perbuatan tidak bermoral	3) Masalah Kewangan keluarga

### **Objektif 1: Mengenal pasti Pengaruh Persekitaran Keluarga Terhadap Pembentukan Nilai Moral Pelajar Sekolah Menengah**

Hasil analisis menunjukkan konflik dalam keluarga mempengaruhi pembentukan nilai moral remaja. Berdasarkan dapatan, terdapat tiga sub tema konflik keluarga sebagaimana jadual diatas. Berdasarkan analisis juga dapat dikenal pasti terdapat lima kelakuan negatif yang pernah dilakukan oleh remaja iaitu merokok, ponteng sekolah, bercakap kasar dengan ibu bapa, membuli dan ponteng sekolah. Kebanyakan responden telah menyatakan bahawa tindakan yang mereka lakukan tersebut adalah berkait rapat dengan masalah keluarga yang mereka hadapi. Antaranya yang dinyatakan oleh responden;

#### **Pergaduhan Ibu Bapa**

*“Pergaduhan yang seringkali meletus antara kedua ibu bapa yang selalunya disebabkan berlaku salah faham tentang hal yang kecil sahaja sehingga benda tersebut diperbesarkan dan menyebabkan pergaduhan berlaku. Hal ini berlaku disebabkan ayah saya seorang yang panas baran” [Aizat (R1)/ No.2]*

*“Apabila saya stres dengan masalah keluarga yang dihadapi, saya akan cenderung untuk menghisap rokok dalam jumlah yang banyak daripada kebiasaan untuk menghilangkan tekanan. [Aizat (R1)/ No. 6]*

*“Saya pernah membuli remaja menengah rendah tapi tidak kerap kerana takut diketahui oleh guru disiplin dan saya pernah juga terlibat dengan ponteng sekolah. Perbuatan yang saya lakukan ini disebabkan saya ingin melupakan masalah yang dihadapi terutamanya apabila terjadinya salah faham antara kami adik beradik dan tiada Tindakan daripada ibu bapa kerana mereka terlalu sibuk dengan kerja” Afiq (R4)/ No. 56]*

#### **Perceraian Ibu Bapa**

*“Keluarga saya mengalami masalah semenjak kedua-dua ibu bapa saya berpisah dan sekarang saya tinggal bersama dengan ibu sahaja. Ini menyebabkan saya menjadi seorang anak yang tidak mendengar setiap arahan yang diberikan oleh ibu. Sebelum ini, saya dibawah pengawasan kedua ibu bapa menyebabkan saya terikat dengan peraturan yang diberikan terutamanya oleh ayah. Tetapi semenjak mereka berpisah, saya tidak terlalu mendengar arahan ibu kerana tidak begitu tegas seperti ayah” [Ira (R2)/ No. 20]*

*“Sebenarnya saya sentiasa ponteng sekolah kerana saya tidak mempunyai minat untuk terus belajar. Ianya berlaku pada dua tahun lepas iaitu apabila ibu bapa saya berpisah dan pada permulaan saya tidak dapat menyesuaikan diri dengan masalah yang saya hadapi dan takut untuk berhadapan dengan kawan-kawan terutama kawan-kawan lelaki kerana ada yang mengusik dan mengejek saya menyebabkan saya tiada semangat untuk datang ke sekolah. [Ira (R2)/ No. 24]*

### **Masalah Kewangan**

*“Keluarga saya selalu mengalami masalah dalam kewangan yang berlaku selepas ayah saya yang menghidap penyakit asthma yang teruk dan tidak boleh melakukan kerja berat seperti kebiasaan. Sebelum ini ayah merupakan seorang peniaga kecil manakala ibu saya seorang suri rumah. Semenjak itu, ibu terpaksa membuat kuih dan nasi setiap pagi dan dihantar ke kedai berhampiran” [Zul (R3)/ No. 38]*

*“Masalah yang berlaku dalam keluarga saya bermula semenjak bapa saya didapati telah terlibat dengan pengambilan bahan terlarang yang menyebabkan dia kehilangan pekerjaan. Oleh sebab itu, beliau sentiasa meminta duit daripada ibu untuk membeli barang tersebut” [Hamka (R6)/ No. 92]*

### **Objektif 2 : Mengenal Pasti Tahap Keprihatinan Ibu Bapa Terhadap Pelajar Sekolah Menengah.**

Aspek keprihatinan sangat penting terutamanya dalam diri ibu bapa untuk memastikan anak-anak berada dalam pengawasan yang sewajarnya. Keprihatinan ibu bapa yang dimaksudkan dalam kajian ini melibatkan kesungguhan dalam menunjukkan perhatian kepada anak-anak. Keprihatinan ibu bapa dilihat daripada beberapa aspek antaranya ialah melihat dari aspek luangkan masa bersama, kecaknaan ibu bapa terhadap perlakuan anak-anak, siapakah yang akan bersama anda apabila mereka mempunyai masalah.

#### **Ibu Bapa Kurang Prihatin**

Hasil analisis menunjukkan yang dikenal pasti kebanyakan responden menyatakan bahawa ibu bapa kurang prihatin terhadap anak-anak mereka apabila ibu bapa kurang meluangkan masa bersama-sama disebabkan beberapa faktor diantaranya ialah perpisahan ibu bapa, salah faham yang menjejaskan hubungan keluarga, dan penglibatan diri lebih banyak diluar rumah. Menurut pandangan responden;

*“Ibu bapa saya tidak terlalu mengambil berat tentang apa yang saya lakukan samada di sekolah, di rumah mahupun diluar rumah. Ini adalah kebiasaan dalam keluarga saya dan terjadi kepada saya dan adik beradik yang lain” [Aizat (R1)/ No. 10]*

*“Oleh kerana mereka sudah berpisah, ayah juga tidak kerap mengambil tahu tentang masalah yang anak-anaknya” [Ira (R2)/ No. 28]*

*“Ibu bapa saya ini tiada masa yang berkualiti untuk diluangkan bersama-sama kerana mereka sibuk bekerja. Jadi, setiap perlakuan yang saya lakukan mereka tidak akan tahu malah tidak pernah bertanya. Kerana mereka menganggap saya dapat menyelesaikan segala masalah disebabkan saya anak sulung” [Afiq (R4)/ No. 64]*

*“Ibu bapa tidak kisah samada saya kerap keluar, jadi saya sudah terbiasa untuk menggunakan massanya bersama kawan-kawan” [Afiq (R4)/ No.68]*

*“Tidak pernah sama sekali ayah mengambil tahu mengenai setiap perlakuan*

*saya kerana dia menganggap saya boleh menyesuaikan diri dengan keadaan baru dimana saya hidup bersama keluarga dan ibu tiri” [Syida (R5)/ No. 82]*

Berdasarkan penelitian dapatan kajian melalui temu bual bersama responden. Pengkaji mendapati kebanyakan ibu bapa mereka tidak mengambil tahu tentang setiap perlakuan yang dilakukan oleh mereka. Sikap kurang prihatin dan mengambil tahu ini disebabkan beberapa faktor yang melibatkan masalah keluarga. Di samping itu, ianya boleh menyumbang kepada tingkah laku yang tidak bermoral dalam kalangan remaja jika ibu bapa berterusan bersikap sedemikian.

### ***Objektif 3 : Menganalisis Faktor-Faktor Yang Mendorong Pelajar Sekolah Menengah Terjebak Dengan Perbuatan Tidak Bermoral***

Hasil dapatan kajian daripada temu bual. Keseluruhan responden menyatakan bahawa punca utama yang menyebabkan mereka melakukan perbuatan yang tidak bermoral atau yang mendorong mereka untuk melakukan perbuatan tersebut adalah disebabkan oleh pengaruh dan masalah keluarga yang dihadapi oleh mereka. Tambahan lagi, responden menyatakan bahawa dengan melakukan perbuatan tersebut mereka dapat melepaskan tekanan yang dialaminya.

#### ***Masalah Keluarga***

*“Saya suka keluar dan luangkan masa dengan kawan kerana saya bosan berada dirumah lebih-lebih lagi apabila berlaku pergaduhan antara ibu dan ayah saya. Saya jadi tekanan kalau terus berada di rumah tersebut. Sekurang-kurangnya apabila saya keluar, saya mampu melupakan sejenak masalah tersebut” [Aizat (R1)/ No. 14]*

*“Disebabkan saya selalu tidak hadir ke sekolah, jadi saya mempunyai banyak masa yang terluang dan kadang kala disia-siakan” [Zul (R3)/ No. 50]*

*“Saya merupakan perokok sejak dari mulanya masuk peringkat sekolah menengah. Punca yang mendorong saya untuk terlibat dengan gejala menghisap rokok ini adalah disebabkan oleh kawan-kawan yang mengatakan dengan menghisap rokok boleh menghilangkan stres. Bermula dari itu, saya rasa ingin mencuba rokok dan lama-kelamaan saya merasa ketagih untuk mengambilnya setiap hari” [Aizat (R1)/ No. 16]*

*“Tingkah laku negatif yang pernah saya lakukan ialah terlibat dengan ponteng sekolah. Punca utama saya melakukan perbuatan tersebut disebabkan saya sering diejek oleh rakan-rakan semenjak ibu bapa saya berpisah. Dengan berbuat begitu saya dapat menjauhi diri saya daripada orang yang boleh mengganggu emosi saya” [Ira (R2)/ No. 34]*

*“Kesempitan hidup yang saya sekeluarga alami menyebabkan saya mengambil keputusan untuk tidak ke sekolah kerana ketiadaan wang. Oleh itu, saya berbuat demikian supaya tidak menyusahkan kedua ibu bapa untuk mengeluarkan duit bagi membiayai keperluan sekolah saya” [Zul (R3)/ No. 52]*

*“Dengan membuli remaja menengah rendah dan saya juga ponteng sekolah tetapi tidak terlalu kerap. Perkara tersebut dilakukan adalah kerana ia boleh*



*membuatkan saya merasa lega dengan melepaskan geram dengan apa yang telah saya alami”[Afiq (R4)/ No. 70]*

*“Punca yang mendorong saya untuk bercakap kasar dengan orang tua disebabkan beberapa faktor. Sebelum ni saya tidak pernah bersikap sedemikian Ketika bersama ibu bapa kandung saya. Tetapi semenjak tinggal bersama ibu tiri dan banyak tuduhan yang diberikan kepada saya , contohnya pernah saya dituduh mencuri duitnya sedangkan saya tidak buat benda tersebut. Jadi, perkara tersebut mendesak saya bersikap sedemikian”[Syida (R5)/ No. 88]*

*“Sikap saya yang suka menaikkan suara Ketika bercakap dengan ayah adalah disebabkan untuk mempertahankan diri. Bukan itu sahaja, saya bertindak begitu kerana perasaan geram dalam diri dengan perbuatan ayah yang langsung tidak menjalankan tanggungjawabnya dengan betul sebagai ketua keluarga. Sepatutnya ayah perlu menjaga kami sekeluarga tetapi apa yang dilakukan adalah sebaliknya” [Hamka (R6)/ No. 105]*

Hasil kajian mengenai pengaruh persekitaran keluarga yang terdiri daripada beberapa masalah yang berbeza-beza. Di samping itu, pengaruh persekitaran keluarga menjadi penyebab kepada permasalahan yang berlaku kepada remaja. Tambahan lagi, pengaruh persekitaran keluarga ini mampu membawa remaja ke arah tingkah laku yang lebih teruk jika ianya tidak diselesaikan dengan baik.

### **Perbincangan**

Berdasarkan dapatan kajian ini, remaja yang mempunyai masalah keluarga didapati menunjukkan keseluruhan remaja tersebut mempunyai tingkah laku moral yang kurang memuaskan. Ini menunjukkan bahawa persekitaran keluarga menyumbang kepada responden yang mempunyai masalah moral terutamanya di sekolah mahupun di luar kawasan sekolah. Masalah-masalah keluarga yang timbul akan memberikan kesan kepada remaja terutama dalam pembentukan nilai moral remaja. Dapatan kajian ini menyokong kajian yang dijalankan oleh Yahaya & Baharom, (2013) Nasir, (2016) Ahmad dan Ambatong (2020) yang menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara ciri-ciri tingkah laku ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja. Bahkan banyak kajian lain menunjukkan bahawa peranan ibu bapa penting dalam menunjukkan *role model* yang baik kepada anak-anak. Menurut Othman et al., (2018) kegagalan elemen kefungsi keluarga boleh menyebabkan sokongan dan kawalan keluarga lemah dan menjadi antara faktor penyebab tingkah laku delinkuen. Bahkan remaja akan mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan rakan sebaya apabila hubungan kekeluargaan goyah (Nasrudin et al., 2012). Menurut Nor Afidah (2014) persekitaran keluarga bahagia serta kasih sayang berlandaskan agama dan cara asuhan akan membantu membentuk nilai moral remaja. Walaubagaimanapun, menurut kajian Buerah at al., (2015), gejala salah laku bukan sahaja berpunca daripada persekitaran keluarga semata-mata tetapi merangkumi banyak aspek lain seperti faktor diri remaja sendiri, teman sebaya, institusi, media massa dan persekitaran yang lebih meluas.

### **Implikasi, Cadangan Kesimpulan**

Berdasarkan kajian ini keprihatinan keluarga terhadap anak-anak amat signifikan dalam membentuk nilai moral mereka, antaranya seperti meluangkan masa yang mencukupi bersama anak-anak dan sifat cakna ibu bapa kepada anak-anak. Antara usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi membanteras keruntuhan moral dalam kalangan remaja ialah dengan

memperkuat lagi hubungan sesama institusi kekeluargaan. Oleh itu, usaha perlu dilakukan bagi mengelakkan perkara ini daripada terus berlaku. Sementara itu, hasil daripada temu bual yang dibuat terhadap tingkah laku moral dalam kalangan. Pihak-pihak yang berkaitan seperti Kementerian Pelajaran, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua, guru-guru dan ibu bapa khususnya perlu menggembeng usaha bagi memastikan masalah dapat diatasi. Peranan ibu bapa adalah *role model* kepada anak-anak perlu diketengahkan agar dapat menunjukkan teladan yang baik dan perlu dicontohi. Dapatan kajian ini mengesahkan dapatan kajian terdahulu terhadap pengaruh persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pembentukan nilai moral di kalangan pelajar sekolah menengah.

Beberapa cadangan perlu diutarakan dengan tujuan untuk kajian lanjutan di masa-masa akan datang. Antara kajian lanjutan yang dirasakan wajar dilakukan adalah seperti menjalankan kajian terhadap beberapa sekolah lain yang dianggap berisiko tinggi dengan populasi dan sampel yang lebih besar. Responden kajian di setiap sekolah pula perlu lebih banyak daripada kajian yang telah dilakukan ini. Selain itu, kajian akan datang boleh menggabungkan kaedah kuantitatif bagi mendapatkan maklumat yang lebih mendalam tentang masalah keluarga yang sering dihadapi oleh pelajar dan kesannya terhadap pembentukan nilai moral di kalangan pelajar sekolah menengah yang mana tidak dapat dicakupi dalam kajian ini. Selain itu, dicadangkan kajian lanjutan dijalankan di pusat-pusat pemulihan akhlak remaja bagi menghasilkan dapatan yang lebih tepat melalui kaedah soal selidik, pemerhatian dan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian. Hasil kajian tersebut akan memberikan gambaran yang lebih jelas berkaitan dengan keruntuhan nilai moral yang lebih serius di kalangan pelajar.

Secara kesimpulan, dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pengaruh persekitaran keluarga dan kesannya terhadap pembentukan nilai moral dalam kalangan remaja sekolah. Hasil daripada dapatan yang diperolehi terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan mengenai hubungan antara pengaruh persekitaran keluarga yang mempengaruhi pembentukan nilai moral remaja. Melalui kajian ini, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sebahagian besar remaja di Daerah Bachok mempunyai kecenderungan ke arah keruntuhan pembentukan nilai moral dalam diri mereka. Kajian ini turut mengutarakan beberapa cadangan yang dianggap relevan dengan permasalahan pembentukan nilai moral di kalangan pelajar di samping mencadangkan beberapa cadangan bagi penambahbaikan yang boleh diambil kira untuk kajian-kajian lanjutan pada masa akan datang. Secara keseluruhannya, kajian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak yang berkaitan dalam usaha untuk menangani masalah keruntuhan nilai moral di kalangan pelajar sekolah dan supaya generasi akan datang bebas daripada masalah keruntuhan nilai moral yang serius.

## Rujukan

- Abdul Alim Abdul Rahim (1994). *Penyertaan Psikologi Berlazim*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abd Hamid, S. R., & Salleh, S. (2013). Exploring single parenting process in Malaysia: Issues and coping strategies. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 84, 1154-1159.
- Alavi, K., Nen, S., Ibrahim, F., Noremy Md Akhir, Mohamad, S., & Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja (Pregnancy Out of Wedlock among Teenagers). 131(1), 131–140.
- Ali, A., & Yusof, Z. (2004). Salah laku sosial remaja kini: cabaran dan penyelesaian. In *Seminar Pembangunan Keluarga Kebangsaan*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Adila Sharinni Wahid (2021, September 5). Kes Rogol Bawah Umur Meningkatkan Ketika PKP Di Kelantan, pp. 1–2.

- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological review*, 84(2), 191.
- Bakar, A. A. A., & Hamzah, M. I. (2019). Faktor Keterlibatan Remaja Dengan Masalah Sosial (Factors Influencing Teens with Social Problems). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 11(1), 1-17.
- Berne, E. (1964). *Four books on group therapy*.
- Braun, V., & Clarke, V. (2012). *Thematic analysis*. American Psychological Association.
- Dasar Keluarga Negara dimuat turun pada 20 Dec 2021. [https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar\\_keluarga\\_negara%20\(BM\).pdf](https://www.kpwkm.gov.my/kpwkm/uploads/files/Dokumen/Dasar/dasar_keluarga_negara%20(BM).pdf)
- Fahmi Yusof (2021). Pembabitian Remaja dalam Jenayah Indeks Tertinggi di Johor. Diperoleh daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/04/19/pembabitian-remaja-dalam-jenayah-indeks-tertinggi-di-johor-kata-ayob/>
- Hamzah, A. (2000). Kaedah Penyelidikan Media: Beberapa Pendekatan: *Media Research Methods: Some Approaches*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 3(1), 1-12.
- Jamaluddin, Z., & Kiprawi, I. (2004). Ikatan dan kawalan ibu bapa terhadap tingkah laku delinkuens. In: *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004)*, 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi.
- Marican, S. (2006). *Penyelidikan sains sosial: Pendekatan pragmatik*. Edusystem.
- Mohd Hamdan Haji Adnan. (2015). Peranan Media Massa Memartabatkan Integriti Nasional. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol 2. Hlmn. 57-74
- Nor Afidah Rameli (2014). *Pengaruh Persekitaran Keluarga Dan Perumahan Terhadap Tingkah Laku Remaja Di Ampang Jaya, Selangor*. Universiti Putra Malaysia.
- Rohner, R. P., & Veneziano, R. A. (2001). The importance of father love: History and contemporary evidence. *Review of general Psychology*, 5(4), 382-405.
- Rusnani Abdul Kadir. (2000). *Pendidikan Keibubapaan, Serdang*: Universiti Putra Malaysia.
- Saini, K. M., Fauzi, R., & Osman, S. (2019). Pengaruh Persekitaran Terhadap Psikologi Dalam Kalangan Pelajar Dari Perspektif Kualiti Hidup Di Universiti Malaya. *e-Bangi*, 16(1).
- Siti Zarinah Sahib, MyMetro. Menangani Keruntuhan Akhlak. Diperoleh daripada <https://api.hmetro.com.my/node/92199>
- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor persekitaran sosial dan hubungannya dengan pembentukan jati diri (Social environmental factors and their relation to identity formation). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 155-172.
- Sulaiman, W. A. & Latif, R. (2014). *Kaunseling Keluarga : Isu Dan Cabaran*. Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. 11 Disember 2014.
- Supartiningsih, S. (2004). *Melacak Akar Masalah Pornografi dan Pornoaksi serta Implikasinya terhadap Nilai-nilai Sosial (Kajian Filsafat Nilai)*. Gadjah Mada University.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka)*. Diperoleh daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/12174/1/IJEPC-2011-1-007.pdf>
- Zukina. Y .2003. *Hubungan Antara Latar Belakang Keluarga Dengan Pencapaian Akademik Remaja Melayu Dalam PMR*. Tesis sarjana Sains (Pengurusan Pendidikan) Universiti Utara Malaysia.
- Zulkefli, N., & Mustapha, Z. (2017). Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9).